



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ABDUL HAMID BIN ADENAN  
彭YANYI, KOMPOSER, DAN PENERBIT RAKAMAN

OLEH:

TENGKU LUQMAN HAKIM BIN TENGKU YAHYA                    2021560741  
TENGKU AHMAD FARIS BIN TENGKU NOOR ASHRAF    2021115089

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ABDUL HAMID BIN ADENAN**

**PENYANYI, KOMPOSER, DAN PENERBIT RAKAMAN**

**MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM INDUSTRI MUZIK**

**TENGKU LUQMAN HAKIM BIN TENGKU YAHYA**

**(2021560741)**

**TENGKU AHMAD FARIS BIN TENGKU NOOR ASHRAF**

**(2021115089)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2022 - OGOS 2022**

## **ISI KANDUNGAN**

No.	Isi Kandungan	M/S
i.	Abstrak	i
ii.	Penghargaan	ii
iii.	Senarai Abreviasi	iii
iv.	Senarai Singkatan	iv
v.	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual	1
2.0	Biodata Tokoh	3
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Latar Belakang Sejarah Lisan 3.3 Objektif Sejarah Lisan 3.4 Kepentingan Sejarah Lisan	4 4 4 5 5
4.0	Kajian Literatur	6
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	9
6.0	Log Temubual	30
7.0	Diari Penyelidikan	35
8.0	Glosari	38
9.0	Indeks	40
10.0	Bibliografi	41
11.0	Lampiran	42

## **ABSTRAK**

*Muzik merupakan aspek penting dalam budaya masyarakat berbilang kaum dan etnik Malaysia. Oleh itu, temu ramah dilakukan bersama penyanyi, penggubah lagu dan juga penerbit rakaman iaitu Abdul Hamid bin Adenan atau lebih dikenali sebagai Eddie Hamid untuk mengetahui tentang sejarah beliau dalam kerjayanya sebagai penyanyi, penggubah lagu dan juga penerbit rakaman yang popular pada era 90an. Eddie Hamid adalah penyanyi, penggubah lagu dan juga penerbit rakaman. Eddie Hamid mula bekerja sebagai penyanyi, penggubah lagu dan juga penerbit rakaman kira-kira dari 1989 sehingga awal tahun 2000. Kejayaan Eddie Hamid sebagai penyanyi dan penggubah lagu terserlah apabila beliau telah menghasilkan lebih dari 14 buah lagu walaupun beliau tidak pernah sama sekali mendapat didikan muzik dalam bentuk apa sekalipun. Pelbagai cabaran dan konflik telah dihadapi oleh Eddie Hamid dalam kehidupan beliau dan semasa berkhidmat sebagai penyanyi, penggubah lagu dan juga penerbit rakaman. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata Kunci:** Prospek, Penyanyi, Komposer, Penerbit Rakaman, Eddie Hamid

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirahmanirahim,

Dengan penuh kesyukuran kehadrat Ilahi kerana limpah kurnianya, dapat kami menyelesaikan tugas kerja kursus ini dengan penuh jayanya. Kami mengucapkan sepenuh penghargaan kepada Puan Nurul Annisa Abdullah kerana meletakkan kepercayaan beliau kepada kami untuk menyiapkan kerja kursus ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Puan Nurul Annisa Abdullah, beliau yang telah banyak membantu sepanjang proses tugas ini disiapkan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau dan juga rakan-rakan kami yang telah banyak mencetuskan idea kepada kami sepanjang proses penyiapan tugas ini .

Syukur Alhamdulillah, dalam menyiapkan tugas ini banyak yang telah kami pelajari sepanjang proses penyiapan kerja kursus ini dijayakan. Ianya memberi kami seribu satu pengalaman yang amat bermakna.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
ITE	Institut Pendidikan Teknikal
JWN	Jabatan Warisan Negara
KB	Kota Bharu
KL	Kuala Lumpur
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia

## **SENARAI SINGKATAN**

EH : Eddie Hamid

TAF : Tengku Ahmad Faris Bin Tengku Noor Ashraf

TLH : Tengku Luqman Hakim Bin Tengku Yahya

## **RUJUKAN KATA**

Ambik	Ambil
Break	Berhenti
Gi	Pergi
Je	Sahaja
Kat	Dekat
Lu	Awak
Ni	Ini
Pastu	Lepas itu
Tak	Tidak
Tu	Itu
Tuh	Itu
You	Awak

## **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**

### **Biodata Penemubual 1**



<b>Nama</b>	<b>Tengku Luqman Hakim Bin Tengku Yahya</b>
Tarikh Lahir	29 Oktober 2000
Tempat Lahir	Kubang Kerian, Kelantan
Alamat	PT 488 Taman BEJ Lembah Gaung Lati, 17000 Pasir Mas, Kelantan
No Telefon	0109265921
Emel	tengkuluqman00@gmail.com
Program	Bachelor of Information Science (Hons) Information System Management (IM245)

**Biodata Penemubual 2**

Nama	<b>Tengku Ahmad Faris Bin Tengku Noor Ashraf</b>
Tarikh Lahir	10 Ogos 2000
Tempat Lahir	Hospital Besar Kota Bharu
Alamat	Lot 1459, Lorong Taman Sabariah, Jalan Pengkalan Chepa, 15400, Kota Bharu, Kelantan
No Telefon	01118954834
Emel	ahmdfaris39@gmail.com
Program	Bachelor of Information Science (Hons) Information System Management (IM245)

## **2.0 BIODATA TOKOH**



<b>Nama</b>	<b>Abdul Hamid Bin Adenan</b>
Nama Samaran	Eddie Hamid
Tarikh Lahir	8 Mei 1962
Tempat Lahir	Kota Bharu, Kelantan
Alamat	Kuala Lumpur
No Telefon	0122822860
Emel	<a href="mailto:eddiehamid@yahoo.com.my">eddiehamid@yahoo.com.my</a>
Profesjon	Penyanyi, Komposer dan Penerbit Rakaman
Bidang	Industri Muzik

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Sejarah lisan ialah budaya yang diturunkan kebanyakannya melalui penghantaran lisan. Banyak tamadun di seluruh dunia menghargai tradisi lisan sebagai sebahagian daripada sejarah mereka. Namun, antara tradisi lisan dunia, mereka mempunyai sejenis tulisan yang diturunkan dari generasi ke generasi. Dari segi kefasihan bercakap, keadaan sedemikian mungkin ditakrifkan sebagai celik huruf. Tradisi lisan menekankan bahagian komunikasi lisan, sama ada dalam perbualan biasa atau dalam aktiviti yang lebih formal seperti upacara tradisional, upacara kenegaraan, atau ucapan politik.

Muzik merupakan aspek penting dalam budaya masyarakat berbilang kaum dan etnik Malaysia. Ia dijalin ke dalam fabrik budaya, dan dalam beberapa cara, muzik telah boleh dikatakan sebagai sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan tamadun sejak penubuhannya. Akibatnya, muzik, yang berperanan sebagai hiburan, amat mudah untuk dimasukkan dalam pertumbuhan industri media di Malaysia. Keadaan ini dibantu lebih oleh fakta bahawa sektor media pada mulanya diasaskan oleh penjajah British. Muzik merupakan sebahagian besar kandungan siaran radio apabila ia mula-mula keluar. Apabila radio menyiarkan muzik dalam pelbagai bahasa untuk khalayak ramai, gaya muzik yang berbeza daripada bahasa yang berbeza turut diterbitkan. Namun, tidak seperti sektor lain, pertumbuhan industri muzik tidak diawasi oleh entiti kerajaan. Tambahan pula, industri muzik mengandungi komponen yang menyokong aktiviti muzik dan membentuk subsistem mereka sendiri, seperti firma rakaman, penganjur konsert, kumpulan pemuzik, pencipta, penulis lirik, pengadun muzik, dan lain-lain.

#### **3.2 Latar Belakang Sejarah Lisan**

Kerjaya sebagai seorang penyanyi, pengubah lagu dan penerbit rakaman merupakan kerjaya yang amat memerlukan kerja keras kerana ia merupakan kerjaya yang sukar. Terdapat ramai tokoh yang sudah menceburi kerjaya ini di dalam industri muzik di Malaysia dan untuk kajian ini penyelidik telah memutuskan untuk menemu ramah tokoh yang tidak asing didalam industri muzik tanah air iaitu Abdul Hamid bin Adenan atau lebih dikenali sebagai Eddie Hamid

yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan tentang pengalaman yang telah beliau lalui sepanjang beliau berada di dalam industri muzik sebagai seorang penyanyi, penggubah lagu dan penerbit rakaman. Terdapat banyak lagu yang diterbitkan dan dinyanyikan oleh beliausejak beliau menceburji bidang muzik. Eddie Hamid juga masih lagi aktif pada masa ini sebagai komposer dan penerbit rakaman di Malaysia.

### **3.3 Objektif Sejarah Lisan**

- Untuk mengetahui lebih lanjut tentang kerjaya seorang penyanyi, penggubah lagu dan penerbit rakaman dalam industri muzik.
- Untuk mengkaji tentang pengalaman yang telah diharungi oleh Eddie Hamid sebagai seorang penyanyi, penggubah lagu dan penerbit rakaman di dalam industri muzik di Malaysia.

### **3.4 Kepentingan Sejarah Lisan**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memberitahu kepada orang ramai tentang kerjaya penyanyi, penggubah lagu dan penerbit rakaman melalui pengalaman yang telah diarungi oleh tokoh veteran yang sudah lama berada didalam industri muzik tanah air. Industri muzik merupakan satu industri yang sudah banyak menghasilkan karya yang menghiburkan hati masyarakat tanah air sejak dahulu kala lagi dimana bagi ramai orang, muzik menyimpan memori yang indah buat mereka. Kajian ini juga mampu memberi sedikit sebanyak ilmu kepada mereka yang mahu menceburji bidang muzik tidak semestinya sebagai seorang penyanyi malah juga sebagai seorang guitarist, komposer maupun sebagai jurutera bunyi yang mengawal audio disebalik tabir. Dengan kata lain, kajian ini penting dalam memberi pemahaman tentang usaha dan kerja keras yang diperlukan dalam menceburji bidang muzik kepada semua.

#### **4.0 KAJIAN LITERATUR**

Muzik merupakan satu ekspresi budaya yang mencerminkan amalan-amalan dan interaksi harian sesuatu masyarakat (Adil Johan, 2020). Terdapat beberapa sumber yang menghasilkan muzik ini kepada masyarakat iaitu penyanyi, pengubah lagu, penerbit rakaman dan lain-lain. Dengan itu, tokoh-tokoh dalam industri muzik ini telah memberi sumbangan kepada masyarakat dengan penghasilan karya-karya menarik bagi memeriahkan industri muzik. Penghasilan karya-karya kreatif dari para tokoh ini telah membantu dalam pembangunan industri muzik dalam Malaysia. Oleh itu, masyarakat sangat menghargai penghasilan karya-karya para tokoh kerana dapat menghiburkan hati masyarakat tanah air. Oleh itu, penjelmaan terhadap budaya muzik ini telah memaparkan kreativiti-kreativiti para tokoh-tokoh dalam penghasilan karya-karya mereka dalam industri muzik. Tambahan lagi, seorang tokoh juga dapat menjadi seorang selebriti sekiranya penghasilan karya beliau mendapat sambutan peminat yang memeriahkan.

Kerjaya sebagai pemuzik atau penyanyi dianggap tidak mempunyai masa depan dalam masyarakat Malaysia (Longangarage, 2018). Ibu bapa menggesa anak-anak mereka untuk mengejar kerjaya lain seperti doktor, peguam, jurubank, guru, pensyarah, jurutera, dan lain-lain. Mereka memilih kerjaya ini kerana ia akan kerjaya yang dianggap stabil untuk mengharungi ekonomi pada masa kini dan lebih dipercayai daripada kerjaya sebagai pemuzik atau penyanyi. Ibu bapa juga percaya bahawa jenis pekerjaan ini lebih terjamin untuk jangka masa yang lama. Hal ini demikian kerana, kerjaya sebagai seorang penyanyi amatlah sukar untuk diceburi dimana seseorang itu memerlukan bakat tentang muzik terutamanya seorang penyanyi haruslah mempunyai suara yang sesuai dengan genre lagu yang mahu dinyanyikan. Hal ini membuatkan ramai orang yang telah cuba menceburi kerjaya sebagai pemuzik atau penyanyi untuk gagal mencipta nama di dalam industri muzik dan berputus asa berbanding pemuzik dan penyanyi yang terkenal yang mampu mencipta nama dalam industri muzik tanah air seperti Tomok, Siti Nurhaliza, Ziana Zain dan lain-lain yang mempunyai bakat tersendiri. Menurut kajian literatur daripada Setiawati dan Farid Rusdi (2020), pengkaji mendapat bahawa strategi yang digunakan oleh penyanyi cover untuk melakukan promosi adalah dalam sehari mereka menyiaran foto atau video di halaman suapan seperti di instastories, mereka tidak mempunyai peraturan khas kerana siaran itu akan hilang dengan sendirinya dalam masa 24 jam (Setiawati & Farid Rusdi, 2020). Dimana juga, mereka mempromosikan menggunakan teknique seperti atribut ‘swipe up’ di

Instagram untuk mengarahkan pengikut ke media sosial lain, seperti YouTube (Setiawati & Farid Rusdi, 2020). Strategi sebegini sangat diperlukan untuk dapat memimpin pengikut beralih ke media sosial. Menurut kajian Pop dan Filip (2020), Kejayaan dalam uji bakat menentukan perjalanan kerjaya penyanyi dan skop penglibatan yang berpotensi, oleh itu penyanyi perlu menumpukan perhatian untuk membangunkan kawalan diri, kekangan diri dan perseimbahan yang kuat di bawah tekanan. Dalam kaedah ini, adalah perlu untuk memupuk sifat-sifat keazaman, kesungguhan, ketabahan, dan keyakinan diri. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diingat bahawa cita-cita tidak boleh menggantikan keghairahan penyanyi atau pemuzik, dan kesempurnaan teknikal hanya berfungsi untuk meningkatkan perseimbahan artistik yang hanya akan diingati melalui kehadiran yang mencukupi dan karisma yang sesuai.

Komposer ialah kata nama yang merujuk kepada aktiviti atau profesion muzik yang melibatkan penciptaan muzik seperti gabungan muzik instrumental dan vokal untuk pelbagai minat dan tuntutan (Ratsanari, 2021). Merujuk kepada tinjauan pengkaji literatur ini menjelaskan bahawa terdapat strategi marketing dimana sangat penting untuk diupayakan oleh seorang komposer musik iaitu personal branding. Pengkaji mentakrifkan penjenamaan peribadi sebagai kepimpinan, personaliti, perbezaan, daya tarikan, perpaduan, ketegasan, dan nama yang cemerlang (Ratsanari, 2021). Dengan itu, kajian literatur ini menunjukkan kekuatan personal branding yang dapat menjadi aset besar kepada seorang komposer. Kajian literatur daripada Nataraja (2021), beliau menerangkan bahawa kemunculan muzik spektrum telah membawa kepada penentangan terhadap kecenderungan eksklusif di kalangan artis komposer bersiri. Berbeza dengan komposer bersiri, yang mengecualikan banyak teknik muzik lain, pendekatan spektrum dari segi sejarah dilihat sebagai inklusif. Cara pemikirannya yang kaya dengan mekanisme juga unik. Kaedah spektrum mengelirukan, jika tidak mentakrifkan secara langsung, sempadan budaya dari sudut teknologi (Nataraja, 2021). Pengkaji juga menjelaskan bahawa tumpuan pada spektrum tidak harmoni juga mengurangkan konsep siri harmonik yang digunakan secara berlebihan yang sering digunakan untuk mewajarkan semua jenis premis teori, termasuk yang bermasalah (Nataraja, 2021). Menurut kajian literatur daripada Shah Shamshiri (2021), pengkaji mendapati bahawa seseorang komposer seharusnya mempunyai sekurang-kurang gred 3 dalam pengajian teori muzik, mempunyai bakat dalam bermain instrumen seperti piano atau gitar dan satu lagi mempunyai cita rasa muzik (Shah Shamshiri, 2021). Dengan itu, kerjaya seorang komposer merupakan satu kerjaya yang agak sukar

dimana banyak kerja yang harus dilakukan dan jadual waktu kerja tidak kira waktunya dimana komposer sentiasa melakukan kerja mereka setiap kali mereka mendapat ilham.

Penerbit rakaman mempunyai pelbagai tugas, termasuk menguruskan sesi rakaman, mengarahkan dan membimbing artis, merancang dan menyelaraskan jadual pengeluaran dan peruntukan sumber, dan menyediakan prosedur rakaman, pencampuran dan pemindahan. Pengkaji mendapati bahawa digitalisasi pada era kini menghasilkan pengaruh yang kuat bagi produksi muzik dari segi pemasaran muzik yang dapat diterbitkan, juga mempengaruhi para pendengar dan penikmat muzik dalam hal konsumen muzik dengan berbagai macam cara dengan adanya internet (Habibi & Irwansyah, 2020). Pengaruh era digital terhadap penerbit rakaman kreatif ini telah menyebabkan aliran pelanggan dari industri muzik turut menuju ke arah baharu dimana muzik lebih mudah didapati di awan setiap pengguna, termasuk Spotify, iTunes, Joox dan perkhidmatan lain (Habibi & Irwansyah, 2020). Menurut kajian literatur oleh Leffort dan Thompson (2018), pengkaji telah menyiasat pembuatan keputusan secara semula jadi dalam persekitaran penerbit rakaman profesional, berasaskan studio, dan khususnya keputusan penerbit rakaman. Pengkaji mendapati bahawa kod lain telah dicipta untuk set komen dan interaksi yang sama. Kod ini direka untuk mengkaji interaksi studio yang menarik minat psikologi sosio-budaya, di mana pembuatan keputusan secara semula jadi dalam persekitaran penerbit rakaman boleh membantu menjelaskan perkara yang digunakan oleh pengeluar maklumat, cara mereka mengimbangi faktor dalam keputusan pengeluaran, menyepadukan maklumat dan cara keputusan pengeluar berkaitan dengan kerja pihak lain. rakan usahasama (Leffort & Thompson, 2018). Merujuk kepada kajian daripada Morris (2020), pengkaji mendapat bahawa penerbit rakaman gunakan untuk "mengoptimumkan" muzik untuk bertindak balas terhadap tekanan yang dicipta oleh platformisasi (Morris, 2020). Dengan ini, penerbit rakaman mengambil ciri-ciri perisian melalui pendigitalan seperti pembangun perisian dimana penerbit rakaman kini mesti memikirkan tajuk lagu dan lirik bukan sahaja sebagai tandatangan proses kreatif mereka, tetapi sebagai kata kunci yang mungkin mengarahkan trafik ke kandungan mereka. Pengkaji juga mendapati bahawa pengoptimuman ini menunjukkan kesan platform telah mengambil alih pengedaran budaya dimana kesan sonik data dan pengoptimuman infrastruktur mencipta tipologi untuk pelbagai jenis campur tangan platform yang wujud (Morris, 2020).

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

**TLH:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman kerjaya seorang tokoh dalam industri karya seni muzik. Bersama-sama kami ialah Abdul Hamid bin Adenan atau lebih dikenali sebagai Eddie Hamid yang merupakan seorang penyanyi, komposer dan penerbit rakaman dari tahun 1988 yang masih lagi aktif sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Julai 2022 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 5 petang bertempat di DCZ Seaview Seafood.

EH: Seafood Perdana Resort.

**TLH:** Seafood Perdana Resort. Temubual ini dikendalikan oleh Tengku Luqman Hakim Tengku Yahya dan Tengku Ahmad Faris Tengku Ashraf. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**TLH:** Okay pertama sekali, boleh encik berikan nama penuh encik?

EH: Nama saya Abdul Hamid Adnan.

**TLH:** Okay

EH: Nama pendek Eddie Hamid.

**TLH:** Okay, encik berasal dari mana?

EH: Saya berasal daripada Kubang Kerian, Kota Bharu Kelantan [Malaysia].

**TLH:** Dimanakah encik dilahirkan? Dan bila?

EH: Saya dilahirkan pada 1962 di Kubang Kerian [Kota Bharu] Kelantan [Malaysia].

**TLH:** Sekarang encik menetap dimana?

EH: Saya menetap di KB [Kota Bharu] saya mula berhijrah pada tahun 1985 sampai lah hari ini.

**TLH: Boleh kami tahu bilangan adik beradik encik?**

EH: Tujuh orang.

**TLH: Tujuh orang, encik anak ke berapa?**

EH: Enam.

**TLH: Boleh encik ceritakan kepada kami tentang adik beradik encik?**

EH: Adik beradik saya semua tidak melibatkan diri dalam muzik sebab cara masing-masing tak [tidak] ada satupun yang ikut jejak muzik sebagai komposer berkaitan, semua kerja sendiri.

**TLH: Boleh kami tahu hobi encik?**

EH: Hobi saya sebenarnya memancing, pergi ke pulau-pulau kan. Tapi hobi itu terbantutlah apabila daripada bidang ini banyak guna masa kat [dekat] city [bandar]. Jadi untuk hobi saya tu [itu] kira lupakanlah an [kan].

**TLH: Siapakah merupakan idola encik?**

EH: Idola saya biasalah P. Ramlee lah.

**TLH: Untuk sejarah pendidikan, boleh kami tahu encik menerima awal pendidikan tadika dimana?**

EH: Tadika? Dulu tak [tidak] ada tadika.

**TLH: Bagaimana pula sekolah rendah?**

EH: Ah, sekolah rendah, Sekolah Rendah Kubang Kerian

**TLH: Sekolah menengah encik?**

EH: Sekolah Menengah Kubang Kerian

**TLH: Ada encik pernah memasuki acara sukan semasa di peringkat sekolah?**

EH: Ya, Saya pemain bola sepak, hoki, takraw

**TLH: Pencapaian tinggi encik masa di peringkat sekolah?**

EH: Tak [tidak] ada

**TLH: Adakah encik menyambung pembelajaran universiti?**

EH: Tidak, saya sambung belajar saya di... dulu ada Institut Pendidikan negara.. Negeri orang panggil ITE

**TLH: Jadi kami teruskan kepada pengalaman kerjayalah. Ok, boleh encik ceritakan tentang kerjaya encik sebagai seorang penyanyi?**

EH: Ok, masa tuh 88 [1988]... Sebenarnya hujung 88 [1988]... Saya keluarkan single dengan album terbaru, masa tu [itu] album tak [tidak] ada single... Singlenya satu lagu kan... Dan lagu tuh [itu] lagu... Lagu saya "Perjalanan Rasa"... Lagu tu [itu] melambangkan nama saya sebagai penyanyi. Di pentas dengan masa saya manterra ramai lah... Jadi nasib saya baik. Lagu itu diterima ramai. Album pertama saya telah terjual banyak memang banyaknya dan album saya tu [itu] telah dimainkan di siaran-siaran radio.

**TLH: Boleh kami tahu apa yang membuatkan encik mahu menjadi seorang penyanyi?**

EH: Tak [Tidak], saya bukan penyanyi.. saya tak [tidak] ada mana berminat pun, sebenarnya saya di Kelantan... penyanyi untuk artis Kelantan, pelancong-pelancong Kelantan, serba-serba saja... Jadi untuk jadi penyanyi sebenarnya, saya tak [tidak] ada fikir pun, tapi apabila saya hijrah daripada KB [Kota Bharu] ke KL [Kuala Lumpur] sebagai pelukis, saya zaman dulu suka melukis magazine, ilustrasi kartun saya buat. Jadi bila di KL [Kuala Lumpur]... sebagai pelukis tiba-tiba masa tu [itu] gawat... orang ramai dah tak [tidak] suka baca buku, suka tengok VHS [Video Home System]... Benda yang bergerak, jadi buku itu mati, dan saya tak [tidak] nak balik kampung saya hijrah duk [duduk] sana, jual burger, pada situlah bermulanya nasib saya dipropose [dicadang] sebagai seorang penyanyi.

**TLH: Berapa umur encik semasa encik cuba menceburi?**

EH: Masa tu [itu] umur 27

**TLH: Apakah faktor yang menarik minat encik dalam cuba menceburi dalam bidang muzik?**

EH: Saya ada sikit-sikit basic skill kearah daripada KB [Kota Bharu] di bawah sana. Sebenarnya benda ni [ini] saya lancar. Tiba-tiba dioffer sebagai penyanyi dia kata “cuba nyanyi sikit” jadi masa tu [itu] lah Allah tolong saya untuk saya terus bertapak di Kuala Lumpur sebagai penyanyi

**TLH: Alat muzik manakah kegemaran encik untuk dimainkan dan kenapa?**

EH: Saya suka gitar. Gitar tu [itu] sebab saya bermula lagu, saya buat dengan gitar tu [itu]. Gitar pertama saya berharga RM75 dan [saya] gitar tu [itu] saya pakai sampai hari pun ada... benarnya, gitar ni [ini] mudah untuk kita bawa ke hulu-hilir kan. Kalau macam drum kita kena bawa dia kan. Macam gitar ini kita sandang, letak dalam kereta kan, mudah, jadi saya hanya suka gitar sahaja.

**TLH: Ok soalan seterusnya, boleh encik terangkan apakah kebaikan dan keburukan dalam menceburi bidang muzik?**

EH: Kebaikannya adalah sekarang ni [ini] muzik dah jadi satu benda yang bagus untuk kehidupan manusialah dimana kita rasa... Dulu muzik ni [ini] kira sampingan kan, sekarang ni [ini] muzik dah jadi benda asasi benda yang untuk cari rezeki, dan kalau kita cuba macamlah hari ini, tengok macam artis renting harga sampai 60 ribu satu show [persembahan] sampai 70 ribu 40 ribu paling sikit pun harga 5 ribu. Kalau kita serius pasal ini, Macam itu lah walaupun penyanyi buat muzik, benda itu boleh buat kerjaya tetap kita. Cuma kita beringatlah benda ini dia bukan selalunya ada show [persembahan] benda session part, ada yang ada session kan. Benda ni [ini] saya rasa benda ni [ini] dari dulu dengar cerita P. Ramlee kan, ahli muzik pantang tengok wayang. Dulu muzik tak [tidak] diiktiraf sebagai kerjaya. Sebab itu kita tengok wayang barat P. Ramlee kan. Macam hari ini, muzik dah kira

diiktiraf maknanya muzik ini boleh menjadi satu aset kerja penting untuk mencari rezeki. Jadi iktiraf lah.

**TLH: Soalan seterusnya pula adalah alat muzik manakah yang encik kurang gemari?**

EH: Oo, Tak [Tidak]. Saya suka semuanya. [Orang saya] pemuzik ni [ini], kita orang kena tahu semua muzik walaupun tak [tidak] pandai ambil tahu untuk main medium ini. Apa muzik yang saya tidak pernah pakai untuk session sebelum ini. Saya pakai semua, daripada gemilang, seruling, sardin, sunai. Sebab ada sesetengah lagu nak pakai sunai, satu lagi kena pakai gendang. Sebenarnya kita [semua] terpaksa suka, belajar suka dan erti dan suka lah.

**TLH: Masa encik mula-mula dulu, adakah encik mempunyai jurulatih untuk melatih encik macam dari segi vokal?**

EH: Vokal, Ok, jadinya, masa saya di Seri Gombak dulu, saya jual burger selalu-lalu jual, satu abang ni [ini] dia selalu beli burger saya lah, itu saya main gitar dia kata dia ulik ni [ini] dia kata “aku tengok hang ni macam bagus, hang nak belajar tak [tidak] gitar” dia cakap kat [dekat] aku. Macam yang ni [ini] lah, aq cakap “saya tak [tidak] ada duit, saya jual burger je [sahaja]”, “tak [tidak] apa tak [tidak] apa aku uh, pergi rumah aku mari [datang] bawa dua biji burger satu hari je [sahaja] bagi anak aku, aku ajar kau menyanyi” disitulah bermula situ, pagi-pagi dia suruh saya lepas subuh jogging igt sebenarnya teknik-teknik vokal ni [ini] dia ajar saya lama jugak. Masa itu 1987, setahun saya dengan dia belajar vokal cikgu ni [ini] dia duh pernah mengajar Sidi menyanyi tu [itu] sayang.. dia pun telah bantu saya lah masa tu [itu].. Tuhan mahu tolong kan.. Ada-adalah punya sales-sales dia bergini-gini kan. Lepas itu, apabila dah belajar vokal, dioffer dibuat untuk buat album, benda tu [itu] bergerak je [sahaja] lah dan saya tak [tidak] fikir pun akan jadi penyanyi sebab saya ingat benda ini hebat... saya bukannya bersedia untuk menyanyi tapi sebab benda ini nak jadi jadilah. Saya pergi ke KL [Kuala Lumpur] tuh suka-suka jadi daripada main-main jadi serius sampai harini saya dah kira umur saya pun banyak dari KL [Kuala Lumpur] pada sini. Ulang-alik pun saya KL [Kuala Lumpur], ada musim KL [Kuala Lumpur], banyak ic KL [Kuala Lumpur]. Dimana kita tidak rancang kadang-kadang dah jadi. Kita rancang tak [tidak] jadi kan.

**TLH: Masa encik mula-mula dulu kan, Adakah orang sekeliling encik menyokong encik punya kerjaya?**

EH: Hah, kawan-kawan biasalah, berasa benda ini kawan-kawan kita, mak bapak kita, masa tu [itu], tak [tidak] tau [tahu] lah, tak [tidak] sangka anak jadi penyanyi kan, dulu kawan-kawan cakap ni [ini] “Oh! bagus menyanyi” nyanyilah. Tu [itu] lah. Jadi saya pernah buat show [persempahan] masa tu [itu] dengan Zaiton Sameon. Tapi masa saya tu [itu] awak tak [tidak] kenal lah. Time itu banyak show [persempahan] tapi saya sebagai artis ni [ini] sebagai seorang artis tempatanlah. Saya buat luar masukkan viral satu. Tu [itu] lah.

**TLH: Sebagai seorang penyanyi, adakah encik dapat membahagikan masa dengan baik?**

EH: Ya! Sebenarnya saya dalam Malaysia ni [ini] saya rasa saya adalah saja [sahaja] yang selalu sibuk sebab saya penyanyi, saya juga adalah figure in orang muzik, penerbit rakaman, cari artis, cari lagu untuk artis-artis buat-buatkan muzik dan menyanyikan kalau ada show [persempahan] dan saya juga pengarah muzik untuk drama-drama Malaysia dimana awak tengok dulu ada nama saya kan. Sebenarnya so saya handle [kawal] waktu drama, lagu, lagu artis, handle [kawal] artis-artis nova macam bawah saya Stacy, Hakim Justriq, Afif Suiq, artis-artis tu [itu] semua bawah saya. Macam dengan Hazama kan.. Jadi benda tu [itu] dah jadi macam sebatи dan saya terpaksa lupa hobi memancing kan. Bila cuti saya balik KB [Kota Bharu] kejap lepas itu balik KB [Kota Bharu] saya ada fanclub [kelab peminat] di sini. Lepas itu balik KL [Kuala Lumpur], saya balik, balik sini balik, sebenarnya bila di Kuala Lumpur tu [itu] Isnin sampai Jumaat memang saya sibuk. Malam recording [rakaman], siang hari kerja, saya sebenarnya saya terlalu sibuk lah.

**TLH: Jika adalah, siapakah yang banyak menyumbang dari segi kewangan kepada encik semasa menceburि bidang muzik?**

EH: Tidak ada, saya tidak ada sapa-sapa penyumbang kerja saya jual burger. Ok jual burger, ada orang offer belajar menyanyi saya menyanyi. Tidak ada penyumbang. Dan saya tak [tidak] suka walaupun saya tahu ini keluarga saya ada ramai group yang saya tapi saya tak

[tidak] suka menyumbang kalau saya suka saya tak [tidak] akan berjaya. Saya suka berdikari. Lepas berjaya baru saya suka.

**TLH: Encik pernah menyertai pertandingan menyanyi tak [tidak] masa muda masa mula-mula menceburい bidang muzik?**

EH: Ada kat [dekat] Kelantan lah saya pernah juara di kampung, Juara Tioh, saya juara sini. Itu tahun saya tak [tidak] tahu 1983 kot [rasanya].

**TLH: Masa muda, encik sudah mula menulis lagu?**

EH: Saya banyak menu- bukan tulis, tulis itu lirik, saya banyak cerita. Melo.. Melodi tuh saya punya. Tulis itu lirik. Saya komposer lagu. Lirik itu saya tak [tidak] buatlah. Saya tak [tidak] pernah pun buat lagu itu pun saya buat lagu cuma saya tak [tidak] set apa lagu saya tak [tidak] tak [tidak] fikir benda-benda pasal tau [tahu] pelirik [penulis lirik].. pemuzik. Saya dah pergi bercerita belajar lirik semula. Saya masuk pun course lain sekolah pun, syarikat pun saya ni [ini] cuma bahagian muzik lah. Saya tak [tidak] terfikir kadang-kadang benda kita tak [tidak] rancang. Kalau rancang saya dah jah [darjah] 6 saya mesti main gitar lah, main drum semua belajar macam mana buat note.. Tapi saya tak [tidak] tak [tidak] bersedia untuk itu. Kalau tahualah lagi lebih.

**TLH: Apakah perasaan encik semasa lagu pertama encik dikeluarkan?**

EH: Oh! Masa tu [itu] memang seronoklah sebab masa tu [itu] kita kena berhentak dengan Manterra, iklim. si, sewing, dan masa kalau kita dengar lagu saya pertama tu [itu] saya terpaksa ikut pattern dia yang muzik depan tu [itu] [Eddie Hamid membunyi jenis lagu yang dimain] macam rock kan sebab zaman rock masa tu [itu]. Jadi saya terpaksa ubah, ubah muzik rock tuh muzik saja [sahaja], nyanyin [menyanyi] biasa. Apabila dapat bersaing dengan Kali Manterra tu [itu].. kira hebat lah berasa bangga lah sebab apa kalau [kalau].. Seluruh Malaysia masa tu [itu]. Saya tak [tidak]. Era masa. ah itu.. Kali Manterra nombor satu. Saya masih lagi nombor dua sampai lah habis. Makna saya tetap second. Tapi bagus lah kan.

**TLH: Kali Manterra**

EH: Ya

**TLH: Apakah encik akan buat sekiranya berlaku masalah teknikal semasa menyanyi?**

EH: Dia.. Maksudnya teknikal ada dua satunya tu [itu] atas pentas satu recording [rakaman]. Mana satu nak.

**TLH: Boleh dua-dua.**

EH: Kalau atas pentas, ini masalah dia orang lah. Saya menyanyi sahaja. Pasal “you makan sini, you makan masakan tak [tidak] sedap, rosak, hak dia lah.” kena tunggu. Masalah untuk recording [rakaman] bila berlaku blackout kita boleh hold [berhenti]. Kalau dulu recording [rakaman] masalah. Dulu alat dia tak [tidak] canggih. Harini kalau sak... tak [tidak] ada break [rehat] 2 jam pun. Dia buka balik mixer tuh [itu] letak vokal lagu. Dulu memang terpadam.

**TLH: Apakah pengalaman manis yang encik masih tidak dapat dilupakan sepanjang pelibatan encik dalam industri muzik.**

EH: Pengalaman manis saya ialah bila lagu saya yang lagu spring tuh [itu] “Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta” dia khas sebagai lagu paling popular dan terunggul di Malaysia. Tu [itu] lah dari sikit. Lagu pertama saya buat tu [itu] kena lupa “Tidak Begitu Sempurna”.

**TLH: Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?**

EH: Pahit, ada tak [tidak] banyak lah pahit. Sebab kalau kita gi [pergi] Kuala Lumpur mesti banyak penyanyi yang tengah order, you dah sedia kereta semua kan. Boleh agar-agar banyak kereta payah untuk saya pergi dengan susah kosong. Bila dapat sikit motor [motorsikal], dapat isi minyak semua masam manis lah.

**TLH: Element, apakah element ataupun sifat yang perlu ada pada seseorang itu untuk menceburi bidang muzik bagi encik?**

EH: Maksudnya dia jadi komposer lah, dia bukan penyanyi kan?

**TLH: Ha ah.**

EH: Satu dia kena untuk komposer ni [ini] kena banyak penyanyi dan dia juga kena pandai yang boleh menyanyi kan so. So untuk muzik ini kena sub pertamanya dia tahu apa itu muzik, dan tahu bermain satu jualan muzik, dan uh boleh uh mengenali apa lagu yang suara penyanyi tuh peka kan. Biasa yang buat lagu katalah kata ok dia nak lagu yang menyanyi kan. Kita kena dengar suara dia dulu apa yang dia nak buat order apa lagu yang sesuai, kalau saya bagi suara salim, mungkin suara dia lagu sidik. Kita kena start [mula] buat dia lah untuk buat lagu kepada dialah. Maknanya, saya kusut

**TLH: Pada pandangan encik, apakah nasihat terbaik yang pernah orang sekeliling bagi pada encik?**

EH: Saya pernah dapat satu tanda keramat daripada Alo Alo, kenal Alo Alo? Dia detailkan? Jadi saya pernah juga kena hentam besar bila dilahirkan di Nik Amir sebagai komposer. Dia orang tak [tidak] boleh terima sebab saya dalam kejuaraan ada ranking dia, rating dan ranking. Ranking ni [ini] depan dia sapa depan dia sapa jadi pun saya dengan tak [tidak] adanya mana mana menjadi komposer keluarnya keluar satu lagu yang lain sikit pada orang lain yang lain broad dan arealah. Ada macam sumber cakap lagu saya jugalah up and down, lagu sedih semua kan, pedih semuakan. Jadi kalau ada... rasalah tapinya lagu saya nya sebenarnya untuk orang kampung. Bukan untuk baca Star, Blademail semua. Banyak masuk Malaysianya lagu saya. Memang lagu kampung, saya buat untuk kampung. Sebab orang bandar dia tak [tidak] boleh beli simpul masa tu [itu]. Caset ja. Jadi Aloalo cakap “Ah ya weh!” pastu [selepas itu] dia belum meninggal, dia nak meninggal berapa dua bulan kot rasasanya dia cakap “Nama lu [awak] kan” dia cakap, dia cakap lu [awak] a lu [awak] lah, “You [Awak] jangan ubah you [Awak] punya lagu, pattern lagu you [Awak] jangan ubah, you [Awak] ubah muzik boleh, but kalau [kalau] you [Awak] ubah lagu, you [Awak] akan jadi tak [tidak] ada trademark” sekarang awak tahu lagu masa tu [itu] Pak Long yang pernah masa tu [itu] lagu “Selagi ada rindu” itu lagu saya, masa tu [itu] trademark dah ada dah, dia bagitau [memberitahu] Pak Long semua kata “dia ambik par lah kalau aq buat Pak Long tuh [itu] dia dah ada trademark dan hasil macam ni [ini] ajar macam ni [ini] jadi macam ni [ini]

kalau you [Awak] tukar dia ini akan berubah. Jangan ubah apa-apa pun, ubah, ubah muzik ja” sedekad apa-apa akan jadi. Dan ternyata masa tu [itu] ada kebenaran dia sebab tengok harini lagu saya ni [ini] dia mari [datang] balik lepas tuh [itu] lagu dia lebih smart lagi tengok Era pun punya lagu dia coverlah lagu baru, lagu lama kita ulang balik kita bagi BGM utk dia up semua kan. Sebenarnya benda tuh [itu] boleh katakan lagu saya semua yang 90-an semua evergreen yang bagi mari [datang] start [mula] tau sebab hari ni [ini] pun masih lagi memandal kan [mengandalkan] baru tuh [itu] lah membuatkan saya sapa hari ini saya ada duit dah saya ada penjaluran. Saya komposer, penyanyi dan segala-galanya lah ada job lagi. Maknanya, lagu itu membuat saya mampu membeli rumah, mampu membeli kereta, sebab kita mesti tak [tidak] tahu ada royalti untuk lagu lagu yang popular dekat trending tuh [itu] emesiti, situ untuk komposer, lirik, komposer lagu lirik ada RDM untuk penyanyi maknanya saya dapat collect [kumpul] dua, setiap tahun saya dapat macam kita kira pencen lah yang tahu saya ada duit lagu-lagu yang dimain radio tuh [itu] yang ada meleleh semua tu [itu] itu lah yang menjana hidup saya pada hari ini. Walaupun saya tak [tidak] nak karya lah, saya masih ada duit sampai saya meninggal atau saya mati pun ada wasiat lagi, semualah.

**TAF: Semasa dalam kerjaya encik, encik pernah memberi ceramah tentang kerjaya dalam industri muzik?**

EH: Belum, saya ada banyak dipanggil untuk macam hari semua kan saya rasa sebenarnya saya tak [tidak] ada masa sebab dalam date saya date yang date sampai malam tidur, saya cari kerja, kadang-kadang ada show, jadi tak [tidak] sempat nak bagilah, cuma ada kawan mari [datang] macam ni [ini] adalah, pagi-pagi pergi berniaga, jual baju, kita adjust-adjust sikit tu [itu] ja [sahaja] lah. Untuk taklimat ini semua tak [tidak] ada lah

**TLH: Kalau encik free untuk memberi talk, maknanya, hari apa? Macam hujung minggu ke?**

EH: Macam hari ini saya ada di KB. Besok dah balik dah. Maknanya, untuknya kalau nak saya ada di sini Sabtu, Ahad je [sahaja], Jumaat saya dah kerja dah di lain. Maknanya, semalam, hari ni [ini], so flight pagi nanti saya dah naik flight dah. Maknanya, hari sabtu saya ada di Kuala Lumpur dah. Studio semua.

**TAF: Apakah rahsia encik mengatasi masalah nervous ketika berada di khalayak orang ramai?**

EH: Yang tu [itu] biasa, sebab bukan saya semua, bukan saya saja [sahaja], semua penyanyi gi [pergi] tuh [itu], dia sebenarnya sama nga abang jil “Aku nak naik mesti gabera”, “Aku pun samalah” tapi kalau lauh masa stage je [sahaja]. Ok lepas ni [ini] lepas pengacara pun kata “Lepas Shima ni [ini] Eddie Hamid” kita nervous masa tu [itu] ja lepas kata “Terima kasih” habislah. Bagi seminit bergambar. Semua artis macam tuh [itu]. Tuh [itu] yang ada lupa lirik tuh [itu].

**TAF: Sepanjang encik menceburi dalam bidang muzik, adakah encik pernah inspirasi daripada penyanyi antarabangsa?**

EH: Oh, Tak [Tidak] ada, Saya tak [tidak] suka, saya suka lagu saya melayu kampung muzik kampung tak [tidak] ada kampung America lagu lain ranting kan. Saya. Saya suka ukir bakat perdana menteri punya yang beberapa sabit. Lagu-lagu untuk kita mengumpul jiwa macam naik bulu rompa kan bunyi lagu ada yang roh jiwa kita orang kita penyanyi.

**TAF: Apa pendapat encik, apakah perbezaan ketara yang encik sendiri dapat rasakan dalam industri muzik pada zaman sekarang dengan muzik pada zaman mula encik menceburi bidang muzik?**

EH: Ok banyak, pertama dari segi saya membesar di.. Saya membesar zaman cartridge. Tahu cartridge kan? Cartridge yang record cartridge. Cartridge ni [ini] yang besar tu [itu] [sambil Eddie Hamid menunjukkan bentuk cartridge] ada lagu lah, biasanya yang warna kuning tuh [itu], lepas tuh [itu] lepas cartridge habis, sem besar zaman record. Yang saya bermula zaman record, masa cartridge saya bukan menyanyi lagi masa tuh [itu] budak-budak biasalah. Jadi bila saya menjadi seorang penyanyi zaman tu [itu] zaman cassette dan record. Cassette dan record dah tak [tidak] ada dah. Ok bila buat album video saya, bermula zaman CD dan RCD. CD untuk dimainkan di radio, RCD untuk dimainkan radio dalam [sambil Eddie Hamid menunjukkan cara masuk cd dalam alat permain CD] ni [ini] lah dalam laptop semua kan. Sekarang ini semua dah tak [tidak] ada dah. Tidak ada CD, tak

[tidak] ada cassette, tak [tidak] ada record. Sekarang ini bermulanya zaman dia melayari ikut sini [Eddie Hamid menuding jari kearah laptop] Kita ada lagi type ikut telefon, hantar ikut emel. Yang tuh [itu] panggil CD. Lagu baru kita gmaikan ia. Ha, gambar penyanyi dengan lagu, lagu studio. Lepas tu [itu], zaman dulu bezanya kita buat lagu mesti sepuluh lagu side d, side b, ikut side la, side a sepuluh lagu 5 lagu, side b lima lagu. Sekarang ini tak [tidak] ada, ia semua dah satu lagu saja [sahaja], single. Lepas tu [itu] bezanya adalah dulu nak buat album satu penyanyi mungkin setahun satu album. Hari ini satu penyanyi tiga single, sebab satu lagu saja [sahaja] yang dia ada. Dan dulu untuk buat satu lagu susah sebab kita kena pakai banyak benda-benda yang alatan canggih kat [dekat] situ. Sekarang ni [ini], alat semua canggih, banyak panduan, dari kerja tak [tidak] susah lah. Tu [itu] lah.

**TAF: Soalan seterusnya, secara peribadi adakah encik akan terus membantu membangunkan industri muzik?**

EH: Ya, saya ada satu idea juga cadangan sebab mungkin ada apa-apa berlaku ada rezeki saya akan buka satu akademi muzik Eddie Hamid di Kelantan mungkin tahun depan lah misalnya sekarang tengah bincang sebab semestinya ada kelas vokal, kelas muzik, kelas tarian, kelab berlakon semua public [awam] semua ada. Sekarang dah [sudah] buat perancangan dan meeting [mesyuarat] semua dengan abang Zul. Kalau benda itu berjaya Insyaallah tahun depan ada lah akademi muzik Eddie Hamid di Kelantan, saya bantu Kelantan yang nak jadi pelakon, penyanyi apa segala-galanya lah yang muzik semuanya lah.

**TLH: Pada mula-mula kan apa yang membuatkan encik rasa minat untuk mencebur industri muzik ni [ini] sebagai komposer [penggubah lagu]?**

EH: Tak [tidak] dia bila saya jadi penyanyi, so [jadi] saya masa tu [itu] saya dihubungi oleh BMG [BMG Music] untuk handle [kawal] masa tu [itu] saya ada handle [kawal] Wings. Search, Ziana Zain, Slam, UK ramai lah masa tu [itu] korang boleh - - - saya sebagai campaign help(??) manager untuk urus artis dan buat radio [lagu] jadi masa tu [itu] saya menyanyi dah kurang sikit lah pastu [selepas itu] saya di offer [tawar] oleh BMG [BMG Music] untuk jadi komposer dia kata “Kau nak jadi komposer? Dapat duit” dia bagi, saya

lupa berapa ribu dah, saya kata “Okay lah” saya ambik [ambil] tu [itu] sebab nak duit sahaja sebab saya bukan nak komposer tu [itu] saya tak [tidak] tahu buat lagu pun saya tak [tidak] terfikir pun dia ambik [ambil] Duit tak [tidak] silap dua ribu kot [rasanya], ambik [ambil] saya beli satu gitar letak kat office BMG sama dengan saya lah, saya kerja dalam tu lah pastu [selepas itu] sapa [sampai] saya *sign* [tandatangan] sebagai komposer sebab nak duit bukan buat lagu. Jadi bila sampai masa dia [BMG Music] tanya “Eh mana lagu?” so [jadi] saya pun buat lah satu lagu, saya buat lagu pertama lagu EYE Kau Tetap Di Jendela Kenanganku lagu tu [itu] dia naik tapi dia tak meletup besar tapi [tetapi] saya seronok tu [itu] dah gila babi dah. Tahun ke berapa dah EYE nyanyi, jadi daripada lepas [selepas] itu saya pun tak fikir lagi cuma seronok dengan lagi kita [saya] orang nyanyikan masa tu [itu] EYE dah lama dah besar masa itu. Kedua saya jumpa dengan satu kawan dia nak buat Spoon kumpulan Spoon lah selepas itu lagu ada lah tapi [tetapi] tak [tidak] tahu lah saya bukan reti beza antara lagu tu pun kan jadi saya buat lagu untuk spoon Rindu Serindunya [Rindu Serindu Rindunya]. Masa Spoon nak keluar tu [itu] dia ada masalah sikit so saya buat [lagu] untuk Spring “Kau dan aku” [Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta] tiba tiba Spring meletup [popular] jadi bila Spring meletup [popular], nama saya tak [tidak] besar sebab takde [tiada] Eddie Hamid pun Spring dah besar ada M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir bin Mohamed] jadi semua kata “lagu Eddie Hamid ke tu” boleh kata fenomena. Tapi satu benda baru, muzik dan lagu dah lain yang dekat Pantai Timor - -. Lepas [selepas] tu [itu], lancarlah kumpulan Spoon. Masa Spoon keluar tu [itu] semua ada. Spoon pun orang kata dengan Spring, Spoon mati a [lah] sebab satu benda lain pulak [pula] “tak boleh beat lagu Spring ni [ini]”. komposer Malaysia pada masa tu [itu] nak jadi komposer mesti ada lima lagu yang meletup baru boleh dipanggil komposer, satu lagu tak boleh lagi masa tu [itu] lah. Bila Spoon keluar tu ramai lah saya rasa yang cakap “Ini tak boleh lah, tak boleh *beat Spring*” pastu [selepas itu] Spring meletup tapi [tetapi] Eddie Hamid masih lagi sebagai penyanyikan. Tiba [Tiba-tiba] Spoon meletup fenomena, gila-gila habis sampai ke seluruh Malaysia apa semua kan. Masa [semasa] tu [itu] lah orang kenal Eddie Hamid sebagai komposer semua lagu pun keluar. Itulah zaman Eddie Hamid sebagai komposer yang orang dimana orang minta buat lagu masa [semasa] tu [itu] zaman saya lah, Arrow lah macam-macam lagu lah yang saya buat. Jadi itu pun saya tak [tidak] rancang [merancang] benda tu [itu] terjadi saya tak [tidak]

terfikir pun satu hari esok bila orang tanya “nak jadi apa cikgu ke polis ke” saya tak terfikir jadi benda ni masuk ke dunia yang saya tak fikir pun dengan dunia glamor lah maknanya Tuhan bagi saya dua, bila saya jatuh sebagai penyanyi *slow* [perlahan] sikit Tuhan bagi saya jadi komposer sebagai komposer saya boleh dapatkan artis kan pastu [selepas itu] diorang lantik saya sebagai manager di Nova Music bidang seni jugak [juga] benda sama lah maknanya benda tu [itu] pada saya bola dua kali lah bola penyanyi, bola komposer pusing itu je [sahaja] kan dan dulu pada tahun 94 [1994] saya pernah menjadi wartawan hiburan setahun lebih saya pusing je [sahaja] tengok apa berlaku kan bila ada nama kita boleh mintak macam-macam lah kan.

**TLH: Soalannya, siapakah penyanyi yang encik paling gemari untuk bekerjasama sebagai seorang komposer?**

EH: semua. - - - ramai tengok jadi semua suka. Cuba tanya siapa saya belum buat lagi. Saya belum buat lagi lagu untuk Siti Nurhaliza. Sebab saya dulu saya pernah di offer [tawar] Siti tapi [tetapi] saya masa [semasa] tu [itu] bukan saya sibuk tapi [tetapi] Saya takut untuk nak bagi lagu kepada dia. Dua kali kakak dia Rozi tu [itu] mintak [minta] buat lagu tapi [tetapi] saya tak [tidak] bagi ya lah saya takut untuk bagi lagu kepada penyanyi yang dah popular so [jadi] saya bagi lagu kepada penyanyi yang tak popular

**TLH: Cabaran yang paling sukar encik perlu hadapi sebagai seorang komposer?**

EH: Biasalah sukar penyanyi lah masa kita ada studio berkaitan dengan radio macam lagu ni empat minit tapi tak tahu yang kita buat ni [ini] sebulan muzik macam gitar semua kan lepas itu untuk vokal pun kita dengar empat minit tapi untuk vokal ada empat hari ada empat jam atas penyanyi lah. Kita kena sabar lah kan.

**TLH: Penyanyi ideal bagi encik untuk berkolaborasi bersama dan mengapa? Yang macam ideal punya penyanyi.**

EH: Nak kolaborasi dengan dia?

**TLH: Haah**

EH: Yang terbaru saya akan buat kolaborasi dengan apak lagu Tinggal Sayang Tinggal lah Pujaan. so [jadi] sekarang ni adalah proses dalam studio BBNU tahu kan? dia Budak Budak Baru Nak Up dan remaja ni kita rentak dia ni kita panggil BBNU. Saya buat dengan Apak ni [ini] OBNU Otai Baru Nak Up saya akan lawan - - - untuk lagu Sweetchild tu [itu]. Itu benda percubaan lah kalau berjaya tak [tidak] berjaya tak [tidak] ape sebab ada channel masing-masing suka-suka

**TLH: Okay. Ada tak masa di mana penyanyi lain tak setuju dengan cadangan encik?**

EH: perkara itu biasa berlaku tapi sebenarnya kita dia kena ikut - - - biasa berlaku hari inilah. Dulu setiap kontrak artis bila sign kontrak, dia kena baca kontrak berbunyi setiap artis mesti mengikut apa lagu yang dinyanyikan oleh syarikat rekod. syarikat rekod ni [ini] dia keluar juga. Dia tahu apa berlaku di hari ni [ini]. Apa berlaku? Pasal apa? Artis kadang dia tak fikir lagu. Jadi kalau kita boleh artis wajib mematuhi apa lagi yang dibenarkan. Dipilih untuk nya so [jadi] dia kena nyanyi lah. Berlaku hari ni [ini] pula artis ni [ini] dia kadang dia tak fikir pasal apa lagu ni [ini] main. Fikir masa show [persesembahan] dia nak gerak gini kan. Kadang-kadang lagu-lagu ballad dia suka main. sekarang ni [ini], kadang-kadang artis tu banyak bergaduh juga. "Aku tak suka lagu macam ni [ini] kan". Jadi benda tu adat lah.

**TLH: Okay soalan seterusnya apa yang akan cik lakukan apabila lagu yang cik compose [cipta] tak dapat sambutan yang meriah?**

EH: itu semua berlaku sebenarnya tidak ada satu Malaysia M. Nasir [Dato' Mohamad Nasir bin Mohamed] sekalipun tak kiralah Michael Jackson sekalipun kalau keluar sepuluh lagu itu pun kita tahu lah yang lima mungkin akan pergi tak [tidak] akan berlaku sepuluh. Jadi kita sebagai komposer dia, sebagai penyanyi, sebagai seorang rekod. Benda ni [ini] nasib, kalau nak jadi, jadi. kalau tak [tidak] jadi, tak [tidak] jadi. Contoh lagu saya Halimah Jongang Sapa [siapa] fikir lagu tu [itu] nak trending, saya ada dapat nobat artis Asean terbaik lagu Halimah Jongang tu [itu]. Basic gambar saya. Enam bulan - - - Siti Nurhaliza - - - Wali Band. Tapi [Tetapi] saya tak [tidak] ada show [persesembahan]. Sebab lagu tu [itu] bukan untuk show [persesembahan]. .Bayang lah lagu kita target untuk dia meletup, dia tak [tidak] meletup. Target kita tak [tidak] fikir pun dia naik. Macam kita pun sekali content dia target jadi tak

[tidak] - -. Begitu juga dengan lagu. Cuma hari ni [ini] bezanya adalah kita tidak jual CD. Sekarang kita tak jual CD, kaset so kita mengharapkan pada YouTube. Bila masuk content ada iklan, benda tu akan bayar walaupun rugi dari segi jualan benda lain. Tapi [Tetapi] dia akan tetap dapat untung balik sebab TikTok dan YouTube ni [ini] ada iklan. Bila dia pakai dalam [kepada] TikTok, TikTok akan bayar pada saya jugak [juga] pada saya juga. Sekarang ni [ini] yang bayar paling banyak ada lah YouTube, Facebook, Spotify, TikTok - -. Maknanya semua itu, yang bunyi kat [dekat] semua ni, [ini] kita akan dapat duit macam kalau ada TikTok je [sahaja] kan keluar lagu seorang menari pakai lagu Eddie Hamid saya dapat duit kalau menari saja [sahaja] tak [tidak] ada muzik saya saya bercakap tak [tidak] ada apalah saya pakai muzik pulak [pula] (Membuat bunyi lagu) saya dapat duit jugak [juga] saya boleh claim [tuntut]. Contoh kalau siapa masuk lagu dalam YouTube eh sorry [maaf] dalam Facebook. Adakah kena block [Halang]? Kena block [Halang] kan? Sebab lagu itu tak [tidak] boleh tak [tidak] ada izin. Sebab kalau you [awak] nak pakai, bayarlah. so [jadi] saya dapat duit. Lagu saya, siapa pakai sekali pun saya dapat duit.

**TLH: Adakah encik berpuas hati dengan hasil karya muzik encik sepanjang mencebur industri muzik?**

EH: Saya bersyukur dan berpuas hati sebab benda yang main-main ni [ini] iya dah jadi satu benda yang fantasi dan realiti. Asalnya benda tu daripada 90 [1990] sampai ke hari ini 2022 lagu ni [ini] dapat menampung hidup saya. Maknanya walaupun ---, tapi [tetapi] mampu untuk saya hiduplah. Maknanya orang beli kereta saya boleh beli kereta, orang beli rumah saya boleh beli rumah. Maknanya saya berpuas hati sangat-sangatlah

**TLH: Siapakah seseorang yang encik anggap sebagai rakan seperjuangan cik yang tidak boleh encik lupakan jasanya dalam mencebur bidang muzik?**

EH: Jasanya yang tadi Pak Wan tu [itu] yang ajar saya vokal percuma tu [itu] jasa dialah. Tanpa dia mungkin saya tak [tidak] ada confident dalam menyanyi. Dulu susah tidur nak nyanyi kena cukup tidur jangan minum ais kan. Sekarang ni [ini] dah takde [tiada] macam dulu time [masa] tu [itu] dia ajar saya hampir setahun lah. Kira orang paling berjasa pada saya, dia lah [Pak Wan].

**TLH: Apakah kejayaan atau pencapaian yang paling menggembirakan encik sebagai seorang komposer?**

EH: Itu saja saya tiada lah nak cakap yang lagu terunggul --- Lagu Malaysia banyak, saya dipilih lagu paling unggul untuk Halimah Jongang tu [itu], lagu yang perli manusia yang paling berjaya lah.

**TAF: Adakah encik pernah menghubungi rakan kongsi dalam mendapatkan inspirasi baru dalam mencipta muzik?**

EH: Tadi yang saya sebut pasal Apak tu [itu] yang pasti gabungan berdua lah.

**TAF: Adakah Encik pernah latih penyanyi lain?**

EH: Saya tak pernah latih penyanyi sebab saya tak [tidak] ada masa. Tapi [tetapi] saya latih penyanyi tu sebab recording . So [jadi] bila kata awak buat lagu, saya buat lagu, bila ada masa dalam studio, saya akan ajar penyanyi tu untuk lagu itu sahaja lagu baru dia tu [itu] saya tak [tidak] akan didik nyanyi [menyanyi] saya tak [tidak] ada masa untuk [didik]. Walaupun banyak dia offer di Kelantan pun ada offer untuk didik budak sekolah tu [itu] semua tak [tidak] ada masa sebab saya latih penyanyi dalam studio untuk lagu itu sahaja.

**TAF: Pernahkah berlaku kerosakan peralatan muzik sepanjang Encik mencebur industri muzik?**

EH: Tak [Tidak] ada sebab kita sewa studio saja [sahaja] kalau rosak dia bertanggungjawab lah sebab dia ada dalam tu.

**TAF: apakah ciri-ciri tempat yang sesuai untuk menyanyi? Dari segi equipment, kekedapan udara dan sebagainya?**

EH: Maksudnya ada dua, nak menyanyi ke buat lagu? kalau Lagu kena kuat dia macam ni [ini] lah (tunjuk ke arah speaker) dalam kereta ke yang relax [tenang] mungkin atas motor kan untuk relax [tenang] otak kita sebab dulu nak bawak kereta susah. Dulu kita ada macam Walkman tu [itu] kan, sekarang ni [ini] ada [ini] dah (menunjuk kepada telefon pintar)

senang je [sahaja] macam tu [itu]. Sebenarnya lagu baru ni [ini] idea dia tak tentu masa. Dia kata nak pergi sana kejap, nak buat lagu tak [tidak] boleh ada yang nak --- cari gitar cari chord dia tu [itu]

**TLH: Okay, sebelum saya mulakan yang ni [ini] saya nak mintak [minta] confirmation [pengesahan] lah sebab saya ambil daripada Wiki. Encik jugak [juga] merupakan seorang penerbit rakaman?**

EH: Ya

**TLH: Okay, untuk soalan seterusnya adakah kerjaya sebagai penerbit rakaman dalam industri muzik mencabar bagi encik atau secara general?**

EH: Tak mencabar {sebab} pekerjaan saya. Pekerjaan tetap saya penerbit, penerbit album, pengacara radio lah.

**TLH: Apakah moral yang Encik berpegang untuk menjadi penerbit rakaman terbaik?**

EH: Moral ni kalau --- pertama kita kena cekal lah kita kena hadapi kerenah(?? ) muzik, menyanyi, lirik, macam ni lah akan berlaku satu benda yang kita kerja sendiri. Untuk siap benda ni ---. Kita kena cekap. Kita ingat kita buat benda ni untuk kerjaya kita dan kita nak buat benda ni untuk berjaya. orang tengok meletup lah semua komposer itulah lagu ni mesti bomb [meletup] walaupun tak bomb [meletup] pun mesti nak bomb [meletup] semangat-semangat kan.

**TLH: Apakah pencapaian terbesar encik dalam kerjaya penerbit rakaman?**

EH: Penerbit rakaman takda [tiada] lah. Penerbit rakaman ni kita jaga offer [tawaran] sahaja. Dimana lagu yang saya buat itu ini ambil itu ambil kecuali pertandingan penerbit terbaik tak ada Malaysia buat.

**TLH: Pengalaman yang boleh dikatakan pahit lah dalam kerjaya encik sebagai penerbit rakaman?**

EH: Tak ade [tiada] sebab kita sebagai penerbit rakaman ni [ini], bila artis dah sign [tandatangan] kontrak dia [artis] kena patuh kepada kita [penerbit rakaman] maknanya dia sign [tandatangan] dengan syarikat rekod dah bersetuju semua untuk rekod album dia kena patuh yang pertama time [masa] dia pergi recording [rakaman] berlatih dia kena ada semua lah bila pergi studio dah cukup semua dah kalau lambat dia kena marah sebab studio bayar jam sejam seratus lima puluh ringgit bukan dua puluh ringgit sejam. Kalau lambat kita akan rugi masa studio, dia pun tahu. Pastu [selepas itu] sekarang ni [ini] pulak [pula] zaman viral FaceBook bila shoot kita tak buat apa-apa dah viral dah bila pergi studio perlu dengan komitmen yang penuh penyanyi, pemuzik, penerbit, sound engineer dan alat muzik semua dah stand by [siap sedia] untuk rekod pun dia ada date [tarikh] hari bulan pukul berapa kira stand by [siap sedia].

**TLH: Okay, kami akan teruskan dengan sumbangan lah. Boleh kami tahu berapa banyak atau anggaran lagu yang encik telah cipta?**

EH: Oh saya lupa, tapi saya ingat tak sampai seribu lagi. Tapi [tetapi] ratus-ratus lah enam ratus saya lupa. Kadang saya dengar radio pun saya tahu lagu saya “Eh lagu aku tu” cuma lagu yang paling besar yang dapat kutipan tertinggi sehingga hari ini ialah Spoon lah Rindu Serindu-Rindunya tu [itu] kutipan paling tinggi, nombor dua lagu Spring Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta tuh [itu], tiga lagu Stings Dalam Diam Aku Mencintaimu, keempat — itu top five Eddie Hamid yang tu [itu] lah membantu saya sampai ke hari ini yang paling tinggi dibayar lah yang bayar puluh-puluhan ribu, yang lain tu [itu] mungkin lah tiga ringgit.

**TLH: Okay, kami teruskan kepada harapan. Soalannya ialah apakah harapan encik terhadap penyanyi-penyanyi baru dalam industri muzik?**

EH: Nasihat saya lah pertama kena nyanyi apa lagu yang ditulis oleh syarikat rekod. Diorang [Mereka] yang bayar semua tu [itu]. Kemudian, jangan rasa cepat untuk glamor pastu [selepas itu] yang ketiga hormati penyanyi-penyanyi lama kan jangan kita diva sebab ramai saya tengok penyanyi-penyanyi baru saya tak [tidak] kenal pun pastu [selepas itu] suara tu [itu] kena mantap lah biar sesuai dengan konsep lagu yang dibawa dan kalau boleh

buat atau cari lagu yang orang semua suka bukan kita saja [sahaja] suka kalau kita suka saja [sahaja] lagu tak [tidak] akan naik.

**TLH: Adakah encik rasa sifat sompong atau angkuh ni [ini] akan menjatuhkan artis dalam bidang muzik?**

EH: haah (serentak) bila jumpa press pun kena banyak bercakap bercerita kadang-kadang artis kita bawa mak dimana mak pula yang cakap untuk kita, itu tak kena. Pertama bila kita jadi artis ni [ini] kita macam perhatian lain ramai — kita ni [ini] kena humble [rendah diri] kena baik, ramah, suka bergaul, tak sompong. Sekarang ni zaman viral kena hormatilah para penyanyi-penyanyi yang lebih lama bila jumpa bagi lah salam dulu [dahulu] itulah kelakuannya.

**TLH: Adakah Encik mempunyai apa-apa harapan atau matlamat yang masih lagi belum dapat dicapai?**

EH: Tidak ada, saya dapat. Saya tak [tidak] fikir pun harapan.

**TLH: Soalan terakhir kami adalah apakah nasihat atau mesej yang mahu encik sampaikan kepada peminat Encik?**

EH: Saya, biasalah saya sebagai komposer dan penyanyi saya amat terhibur dengan sambutan daripada peminat-peminat saya, pendengar lagu saya yang dari dulu. Pada ya pun tak [tidak], saya pun dah tua dan masih suka, saya pun bagi sokonganlah tapi saya buat lagu itu untuk orang ambil [ambil] perhatian kan maksudnya sokong-menyokong support pada dulu 89 [1989] sampailah ke hari ini. Maknanya dari pihak saya ini kalaulah orang atau budak baru semua lagu-lagu yang saya buat itu sampai hari nanti kita jumpa ramai-ramai setiap kali dengan lagu barulah, dengan baru, masa baru, plak ada yang tak lain pun ada tapi masa tenghari ni kan maknanya kita semua tu anugerah Allah bagi kepada saya, saya dan pendengar-pendengar setia untuk mendengar lagu saya.

**TLH:** Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Abdul Hamid bin Adenan atau lebih dikenali sebagai Eddie Hamid sebagai seorang penyanyi, komposer dan penerbit rakaman yang sejak tahun 1989 sehingga kini

EH: Ya

**TLH:** Kami mengucapkan terima kasih lah di atas kesudian

EH: Ya sama-sama

**TLH:** kerjasama yang diberikan oleh encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbangkan kepada perkembangan ilmu dalam industri karya seni muzik pada para penyelidik yang pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

EH: In shaa allah, sama-sama.

## 6.0 LOG TEMUBUAL

<b>LOG</b>	<b>TOPIK</b>	<b>RUJUKAN</b>
00:41 - 02:12	<b>Latar Belakang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama tokoh Abdul Hamid bin Adenan</li> <li>● Nama panggilan Eddie Hamid</li> <li>● Dilahirkan di Kubang Kerian, Kelantan</li> <li>● Membesar di Kubang Kerian, Kelantan</li> <li>● Menetap di Kuala Lumpur sejak 1985</li> <li>● Mempunyai tujuh orang adik beradik</li> <li>● Merupakan anak yang ke-6</li> <li>● Hobi memancing tetapi sudah tidak lagi diteruskan kerana sibuk</li> <li>● Idola ialah P. Ramlee</li> </ul>
02:12 - 03:06	<b>Sejarah Pendidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tidak menerima pendidikan tadika</li> <li>● Tiada tadika pada zaman dahulu</li> <li>● Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian</li> <li>● Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian</li> <li>● Bermain bola sepak, hoki dan takraw semasa di sekolah menengah</li> <li>● Tidak menyambung pelajaran di peringkat universiti</li> </ul>
03:06 - 23:50	<b>Pengalaman Kerjaya: Penyanyi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengeluarkan album pada hujung tahun 1988</li> <li>● Lagu pertama merupakan "Perjalanan Rasa"</li> <li>● Dimainkan di siaran radio</li> <li>● Pada asalnya tidak berminat untuk menjadi penyanyi</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Hanya menyanyi secara suka-suka sahaja pada usia muda</li> <li>● Perjalanan ke arah menjadi penyanyi bermula apabila berhijrah ke Kuala Lumpur sebagai pelukis</li> <li>● Mula menjual burger</li> <li>● Atas alasan ramai orang sudah hilang minat terhadap lukisan kerana kewujudan VHS</li> <li>● Mula ditawar menyanyi pada umur 27 tahun</li> <li>● Gitar merupakan alat muzik kegemaran</li> <li>● Atas alasan mudah untuk dibawa ke mana-mana</li> <li>● Berpendapat bahawa muzik dapat dijadikan sebagai sumber mencari rezeki oleh kerana zaman sudah berubah</li> <li>● Menyatakan bahawa ahli muzik pada zaman P. Ramlee tidak diiktiraf sebagai kerjaya berbanding pada hari ini.</li> <li>● Tidak mempunyai alat muzik yang tidak digemari</li> <li>● Atas alasan seorang pemuzik harus tahu cara untuk memainkan semua alat muzik</li> <li>● Mendapat latihan daripada seseorang individu semasa menetap di Sri Gombak</li> <li>● Mendapat latihan untuk bermain gitar dan menyanyi pada tahun 1987</li> <li>● Mendapat latihan selama setahun</li> <li>● Ditawar untuk membuat album setelah tamat latihan</li> <li>● Pernah mengadakan persembahan bersama</li> </ul>
--	--

	<p>Zaiton Sameon, Rara dan lain-lain sewaktu mula menyanyi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Banyak mengurus muzik drama melayu</li> <li>● Antara artis di bawahnya sebagai manager di Nova Music termasuk Stacy, Akim &amp; The Majistret, Hafiz Suip, Adira Suhaimi, Hazama</li> <li>● Banyak menghabiskan masa di studio pada isnin hingga jumaat dengan jadual yang padat setiap minggu</li> <li>● Pernah menjuarai pertandingan menyanyi semasa menetap di Kelantan</li> <li>● Gembira apabila lagu pertama keluar kerana perlu bersaing dengan penyanyi terkenal yang lain</li> <li>● Menyatakan Manterra sebagai pesaing</li> <li>● Pengalaman yang paling manis adalah apabila lagu ciptaan “Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta” diangkat sebagai lagu paling popular dan terunggul di Malaysia</li> <li>● Menyatakan banyak perbezaan pada industri muzik pada zaman dahulu dan sekrang seperti penggunaan katrij,kaset, CD dan VCD yang sudah tidak digunakan pada zaman sekarang</li> <li>● Bakal menujuhkan satu akademi muzik Eddie Hamid di Kelantan</li> <li>● Penubuhan sudah berada dalam proses perbincangan dan perancangan</li> </ul>
--	--

23:50 - 37:20	<b>Pengalaman Kerjaya: Komposer</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ditawarkan oleh BMG Music untuk menjadi seorang komposer</li> <li>● Mencipta lagu pertama untuk kumpulan EYE bertajuk “Kau Tetap Di Jendela Kenangan Ku”</li> <li>● Juga mencipta lagu “Rindu Serindu Rindunya” untuk kumpulan Spoon</li> <li>● Kemudian mencipta lagu untuk kumpulan Spring bertajuk “Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta”</li> <li>● Lagu “Rindu Serindu Rindunya” untuk kumpulan Spoon menaikkan nama tokoh sebagai komposer terkenal</li> <li>● Merupakan zaman kegemilangan tokoh sebagai komposer</li> <li>● Menyatakan bahawa tokoh tidak pernah membuat lagu untuk Dato Siti Nurhaliza</li> <li>● Walaupun pernah ditawarkan oleh Rozi</li> <li>● Atas alasan takut untuk memberi lagu kepada penyanyi yang sudah popular sebaliknya lebih gemar membuat lagu untuk penyanyi yang tak popular</li> </ul>
37:20 - 40:10	<b>Pengalaman Kerjaya: Penerbit Rakaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyatakan kerjaya sebagai penerbit rakaman tidak mencabar</li> <li>● Atas alasan sudah sebatи dengan kerjaya tersebut</li> <li>● Moral yang dipegang adalah seseorang itu haruslah cekal, cekap, bersemangat dan melakukan sesuatu untuk berjaya</li> <li>● Tiada pengalaman pahit sebagai penerbit</li> </ul>

		rakaman
40:10 - 41:06	<b>Sumbangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Anggaran lagu ciptaan merupakan 300-600 tetapi tidak mencecah seribu</li> <li>● Lagu yang paling besar yang dapat kutipan tertinggi ialah Rindu Serindu-Rindunya, Spoon</li> <li>● Nombor dua ialah Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta, Spring</li> <li>● Tiga Dalam Diam Aku Mencintaimu, Stings</li> <li>● Mendapat kutipan puluhan ribu sehingga ke hari ini</li> </ul>
41:06 - 43:58	<b>Harapan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nasihat, kena nyanyi apa lagu yang ditulis</li> <li>● Jangan rasa cepat untuk glamor</li> <li>● Hormati penyanyi-penyanyi lama</li> <li>● Suara kena mantap</li> <li>● Cari lagu yang orang suka</li> <li>● Terhibur dengan sambutan peminat-peminat</li> <li>● Lagu untuk orang ambil perhatian</li> <li>● Pendengar-pendengar setia untuk mendengar lagu</li> </ul>

## 7.0 DIARI PENYELIDIKAN

No.	Tarikh	Tindakan
1.	Minggu 1  29 Mac 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mewujudkan kumpulan bersama Tengku Ahmad Faris Bin Tengku Noor Ashraf bersama Tengku Luqman Hakim Bin Tengku Yahya</li> <li>● Perbincangan secara berkumpulan mengenai sejarah lisan dan tradisi lisan</li> </ul>
2.	Minggu 2  5 April 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menerima tema sejarah lisan daripada pensyarah (Seniman Veteran/Seni Warisan)</li> <li>● Mencuba untuk melakukan tugas sejarah lisan</li> <li>● Memulakan tugas projek</li> <li>● Mengenalpasti tokoh yang boleh di temu ramah</li> </ul>
3.	Minggu 3  12 April 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mencari tokoh-tokoh yang boleh di temu ramah (Saari Amri/Mustapha Kamal)</li> <li>● Memahami tugas projek</li> </ul>
4.	Minggu 4  19 April 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyediakan tugas abstrak</li> <li>● Melakukan perundingan bersama pensyarah mengenai tugas abstrak</li> <li>● Permohonan pengesahan projek pelajar bersama pensyarah</li> </ul>
5.	Minggu 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membaiki tugas abstrak</li> <li>● Menerima surat pengesahan projek pelajar</li> </ul>

	26 April 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memahami tugas transkripsi</li> </ul>
6.	Minggu 6  10 Mei 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memahami tugas kertas cadangan</li> <li>● Memahami tugas persiapan awal</li> <li>● Memahami tugas soalan temu ramah</li> <li>● Menyediakan kertas cadangan</li> <li>● Menyiapkan kertas cadangan</li> <li>● Menghantar kertas cadangan</li> </ul>
7.	Minggu 7  17 Mei 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dapatkan maklumat tokoh dari Facebook/Whatsapp (Saari Amri)</li> <li>● Menghubungi pembantu peribadi Saari Amri</li> <li>● Tokoh tidak menerima untuk di temu ramah kerana sibuk</li> </ul>
8.	Minggu 8  24 Mei 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mendapatkan maklumat untuk tokoh baru (Eddie Hamid)</li> <li>● Dapatkan maklumat nombor telefon tokoh dari kawan</li> <li>● Menghubungi Eddie Hamid melalui aplikasi Whatsapp</li> <li>● Tokoh bersetuju untuk di temu ramah selepas dihubungi</li> <li>● Membaiki tugas abstract, kertas cadangan, dokumen persiapan awal, soalan temu ramah</li> </ul>
9.	Minggu 9  7 Jun 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Melakukan perundingan bersama pensyarah mengenai tugas soalan temu ramah</li> <li>● Membaiki tugas soalan temu ramah</li> <li>● Menyiapkan tugas abstrak, kertas cadangan, dokumen persiapan awal, dan soalan temu ramah</li> <li>● Berunding mengenai tetapan masa temuramah</li> </ul>

		bersama Eddie Hamid
10.	Minggu 10  14 Jun 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menghantar tugas an abstrak</li> <li>● Menghantar tugas an kertas cadangan</li> <li>● Menghantar tugas an dokumen persiapan awal</li> <li>● Menghantar tugas an soalan temu ramah</li> <li>● Perubahan tarikh temu ramah</li> <li>● Menerima tarikh baru untuk temu ramah bersama Eddie Hamid</li> </ul>
11.	Minggu 11  24 Jun 2022 (Ahad)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Melakukan sesi temu ramah bersama Eddie Hamid</li> <li>● Menyelesaikan sesi temu ramah bersama Eddie Hamid</li> </ul>
12.	Minggu 12  28 Jun 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membaiki format audio dan video temuramah (Mp3/Mp4)</li> </ul>
13.	Minggu 13  5 Julai 2022 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyediakan draf bagi transkripsi, diari kajian, artikel</li> </ul>
14.	Minggu 14  31 Julai 2022 (Ahad)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menghantar tugas an audio and video temu ramah</li> <li>● Menyiapkan tugas an transkripsi, diari kajian, dan artikel</li> </ul>
15.	Minggu 15  3 Ogos 2022 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menghantar tugas an diari kajian dan penulisan artikel</li> <li>● Menyediakan tugas an transkripsi</li> </ul>

## GLOSARI

Manterra	Kumpulan Manterra merupakan sebuah kumpulan pemuzik dan penyanyi yang aktif di Malaysia. Kumpulan ini menyampaikan lagu-lagu Melayu.
BBNU	BBNU ialah singkatan untuk Budak-Budak Baru Nak Up. Iaitu secara ringkas adalah budak sedang meningkat usia remaja.
CD dan VCD	CD ialah singkatan untuk 'cakera padat'. VCD (Video CD) yang direka khusus untuk menyimpan data video MPEG-1 dan menyertakan keupayaan interaktif
Drum	Alat perkusi yang dibunyikan dengan dipukul dengan kayu atau tangan, biasanya silinder, berbentuk tong, atau berbentuk mangkuk, dengan membran tegang pada satu atau kedua-dua hujungnya.
Gitar	Alat muzik bertali, dengan papan jari yang bergelombang, biasanya sisi melengkung, dan enam atau dua belas tali, dimainkan dengan memetik atau memetik dengan jari atau plektrum.
Halimah Jongang	Halimah Jongang ialah drama kelakar bersiri Malaysia yang ditayangkan di Astro Prima setiap Rabu pada 2011. Drama ini mengisahkan watak perempuan jongang dan sering diperlekeh orang lain. Telefilem ini terbitan A. Aida Productions dan skripnya ditulis oleh Zaini Kosnini.
ITE	ITE (Institutes of Technical Education) ialah Institut Pendidikan Teknikal

Katrij	Pemacu mudah alih boleh tanggal, serupa dengan cakera liut yang mampu menyimpan sejumlah besar maklumat yang disimpan.
Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta	“Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta” ialah lagu melayu ciptaan Eddie Hamid untuk kumpulan Spring yang diangkat sebagai lagi paling popular dan terunggul Malaysia pada suatu ketika dahulu.
OBNU	OBNU adalah singkatan untuk Orang Baru Nak Up. Iaitu secara ringkas adalah orang sedang meningkat kepekaan dalam situasi semasa.
Perjalanan Rasa	“Perjalanan Rasa” merupakan lagu pertama Eddie Hamid
Seruling	Seruling sejenis alat muzik dari keluarga woodwind
VHS	VHS (Video Home System) ialah standard untuk rakaman video analog peringkat pengguna pada kaset pita. Dari tahun 1950-an, rakaman video pita magnetik menjadi penyumbang utama kepada industri televisyen, melalui perakam pita video yang dikomersialkan pertama.

## INDEKS

<b>A</b> Alat Muzik 12, 13, 27, 31, 38, 39	<b>K</b> Kita Ditakdirkan Jatuh Cinta 16, 21, 27, 32, 33, 34, 39
<b>B</b> Bola 11, 22, 30,	Komposer 3, 5, 7, 8, 9, 10, 15, 16, 17, 18, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 28, 29, 33 Kubang Kerian 1, 9, 10, 30
<b>C</b> CD 19, 20, 24, 32, 38	<b>M</b> M. Nasir 21, 23
<b>D</b> Drum 12, 15, 38	<b>P</b> Penerbit rakaman 3, 4, 5, 6, 8, 9, 14, 26, 27, 29, 33
<b>E</b> Equipment 25	Perjalanan Rasa 11, 30, 39
<b>G</b> Gitar 7, 12, 13, 15, 21, 22, 26, 31, 38	Penyanyi 3, 4, 5, 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 38 Popular 16, 18, 21, 22, 32, 33, 39
<b>I</b> Industri Muzik 3, 4, 5, 6, 8, 16, 18, 19, 20, 24, 25, 26, 27, 32,	<b>S</b> Seruling 13, 39 Show 12, 14, 18, 23 Spoon 21, 27, 33, 34 Spring 16, 21, 27, 33, 34, 39

## BIBLIOGRAFI

- Adil Johan. (2020). *Muzik Popular Malaysia: Perangsang dan Pelantar Sosial Integrasi Nasional. Tapak Integrasi: Wahana Penyatupaduan Negara.* Diambil dari <https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/9.Manuskrip-ICIP.Dr-Adil.pdf>.
- Habibi, C. B., & Irwansyah, I. (2020). KONSUMSI DAN PRODUKSI MUSIK DIGITAL PADA ERA INDUSTRI KREATIF. *Metacommunication: Journal of Communication Studies*, 5(1). Diambil dari <https://doi.org/10.20527/mc.v5i1.7449>.
- Lefford, M. N., & Thompson, P. (2018). Naturalistic artistic decision-making and metacognition in the music studio. *Cognition, Technology and Work*, 20(4). Diambil dari <https://doi.org/10.1007/s10111-018-0497-8>.
- Longangarage. (2018). *Kerjaya Sebagai Pemuzik Dan Penyanyi Tiada Masa Depan?* Diambil dari <https://longangarage.com/blog/2018/04/28/kerjaya-sebagai-pemuzik-dan-penyanyi-tiada-masa-depan/>.
- Morris, J. W. (2020). Music Platforms and the Optimization of Culture. *Social Media and Society*, 6(3). Diambil dari <https://doi.org/10.1177/2056305120940690>.
- Nataraja, D. A. (2021). Encounter with The Other: The Serialists and The Spectralists. *Jurnal Kajian Seni*, 7(1). Diambil dari <https://doi.org/10.22146/jksks.57953>.
- Pop, A. O., & Filip, I. C. (2020). Artistic training of the opera singer, the Foundation for a successful career. *Bulletin of the Transilvania University of Brașov. Series VIII: Performing Arts*, 13(62)(1), 145–154. Diambil dari <https://doi.org/10.31926/but.pa.2020.13.62.1.16>.
- Ratnasari, D. (2021). Strategi Personal Branding Komposer Musik di Media Sosial (Studi Kasus Personal Branding Alffy Rev di Instagram). *Besaung : Jurnal Seni Desain Dan Budaya*, 6(2). Diambil dari <https://doi.org/10.36982/jsdb.v6i2.1716>.
- Setiawati, M. C., & Rusdi, F. (2020). Strategi Promosi Penyanyi Cover di Media Sosial. *Prologia*, 4(2). Diambil dari <https://doi.org/10.24912/pr.v4i2.6502>.
- Shah Shamshiri. (2021). *Getaran | Karier | Kerjaya Pilihan: Komposer Atau Pencipta Lagu.* Diambil dari <https://www.getaran.my/artikel/karier/12562/kerjaya-pilihan-komposer-atau-pencipta-lagu>.

## LAMPIRAN

### LAMPIRAN 1



#### KEPADА SESIAPА YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

#### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

BIL	Nama	No. Pelajar
1	TENGKU LUQMAN HAKIM BIN TENGKU YAHYA	2021560741
2	TENGKU AHMAD FARIS BIN TENGKU NOOR ASHRAF	2021115089

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245), bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti Oral Documentation (IMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahlakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi TENGKU LUQMAN HAKIM BIN TENGKU YAHYA di talian 0109265921.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Sekian, terima kasih.

Yang benar

  
**RUSLINDA RAZAK**  
Penolong Pendaftar Kanan  
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)976 2156  
Email : trheakln@kelantan.utm.edu.my



(Lampiran 1 menunjukkan surat pengesahan projek pelajar)

## LAMPIRAN 2



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Abd. Hayu Ibu Adenayu K/P: X-245426-X-5838  
24/7/2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyampaian kelak dan boleh mengambil apa-apataktungan yang diflikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (Interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dkk., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.



Abd. Hayu Ibu Adenayu  
(Nama tokoh)  
Tarikh: 24/7/2022

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdulah)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

(Lampiran 2 menunjukkan pengesahan perjanjian projek sejarah lisan)

### LAMPIRAN 3



(Lampiran 3 menunjukkan pengkaji sedang melakukan sesi temu ramah)

### LAMPIRAN 4



(Lampiran 4 menunjukkan pengkaji bersama Eddie Hamid)